

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB ARTHUR JOSEPH KURUP (PENSIANGAN)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN :

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah untuk memudahkan proses permohonan visa oleh pelancong daripada negara asing ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia hanya mengeluarkan visa dalam bentuk pelekat dikenali sebagai Visa Malaysia sebelum tahun 2016. Sebagai usaha penambahbaikan kepada kemudahan visa sedia ada, Kerajaan telah memperkenalkan kemudahan visa atas talian iaitu eVISA dan memperkenalkan semula kemudahan Visa Semasa Ketibaan (*Visa on Arrival* - VOA). Selain itu, Kerajaan komited dalam menambahbaik kemudahan imigresen dengan turut memperkenalkan Program Pengecualian Visa melalui kemudahan eNTRI dan melaksanakan semula kemudahan 120 jam Transit Tanpa Visa.

Pada Mac 2016, kemudahan eVISA yang merupakan kemudahan visa secara atas talian mula diperkenalkan kepada pelancong daripada 10 buah negara secara berperingkat bermula dengan warganegara China, India, Bangladesh, Pakistan, Nepal, Sri Lanka, Myanmar dan diperluaskan kepada negara-negara Balkan termasuk Bhutan, Serbia dan Montenegro.

SOALAN NO : 32

Melalui kemudahan ini, pemohon daripada 10 negara tersebut boleh membuat permohonan eVISA dari mana-mana lokasi di seluruh dunia kecuali di Malaysia. Kelulusan eVISA boleh diperolehi dalam tempoh 48 jam waktu bekerja dan pemohon hanya perlu mencetak Nota eVISA yang dihantar oleh sistem tersebut terus ke emel pemohon. Setelah menerima kelulusan eVISA dalam bentuk Nota eVISA, pemohon diberi masa selama 3 bulan untuk membuat perjalanan ke Malaysia. Tempoh keberadaan pelancong yang masuk ke Malaysia menggunakan kemudahan eVISA ialah 30 hari bagi setiap kemasukan. Kemudahan eVISA ditawarkan dengan Sekali Perjalanan (SEV) untuk semua warganegara manakala khusus untuk warganegara India juga ditawarkan dengan Berulang Kali Perjalanan (MEV).

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Malaysia telah memberikan kemudahan VOA kepada warganegara asing sejak tahun 2002 di pintu masuk negara untuk tujuan sosial seperti melancong, menghadiri seminar, mesyuarat dan lain-lain.

Kemudahan VOA telah dimansuhkan pada 16 Ogos 2010. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Disember 2013 dan Mesyuarat Kabinet Pelancongan ke-10 Bil. 1 Tahun 2013 telah memutuskan untuk memberikan kemudahan VOA kepada warganegara Republik Rakyat China (RRC) dan India sahaja dengan terma dan syarat yang ditetapkan.

Pada April 2017, Kerajaan juga telah memperkenalkan Program Pengecualian Visa kepada pelancong warganegara China serta pelancong dan ekspatriat warganegara India melalui kemudahan eNTRI (*Electronic Travel Registration and Information*). Pendaftaran eNTRI dilakukan secara atas talian dan tiada kelulusan diperlukan. Jika pendaftaran berjaya dilakukan, Nota eNTRI akan dihantar melalui emel dan mereka boleh membuat perjalanan ke Malaysia dalam tempoh 3 bulan. Pelancong yang masuk menggunakan kemudahan eNTRI boleh masuk ke Malaysia melalui 15 pintu masuk seluruh negara melibatkan 9 pintu masuk udara dan 6 pintu masuk darat. Tempoh keberadaan di Malaysia ialah 15 hari bagi setiap kali kemasukan. Kemudahan eNTRI merupakan kemudahan secara bertempoh dan terkini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2019.

SOALAN NO : 32

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga menyediakan Kemudahan Transit Tanpa Visa 120 jam bersamaan 5 hari kepada pelancong warganegara *Indian Sub-Continental* yang terdiri daripada Bangladesh, India, Pakistan dan Sri Lanka tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Kemudahan ini telah diperkenalkan semula mulai 15 Julai 2010 setelah dihentikan pada tahun 2009. Pelancong yang ingin mendapatkan kemudahan ini dibenarkan masuk atau keluar ke Malaysia atau dari Malaysia melalui Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA termasuk KLIA2.